

[Home](#) / [2026](#) / [January](#) /

Hentikan Kitaran: Pelajar UiTM Terajui Program Advokasi Anti-Buli di Bawah ‘SULAM’

## SINERGI

12/01/2026 / AKISH DANIEL ANAS



**SUNGAI BULOH, 6 Januari 2026** — Kempen kesedaran anti-buli bertajuk “STC: STOP THE CYCLE” telah dianjurkan di SK Saujana Utama, Sungai Buloh sebagai usaha memperkukuh pendidikan komuniti dan menangani isu buli yang semakin membimbangkan dalam kalangan murid sekolah pada **9 Disember 2025**.

Program ini dijalankan di bawah inisiatif Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) yang disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (MoHE), yang memberi peluang

kepada pelajar daripada program **Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Penyiaran dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) Pengurusan Komunikasi & Dasar** untuk mengaplikasikan pengetahuan akademik bagi menangani cabaran sosial sebenar.

Keberkesanan program ini turut diperkukuh melalui penglibatan pihak berkuasa. Seramai **100 murid** SK Saujana Utama mengambil bahagian, dengan sesi ceramah utama disampaikan oleh **Inspektor Azraai** dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh, yang menekankan implikasi undang-undang dan disiplin berkaitan perlakuan buli.





**Puan Nor Hazita binti Jaafar**, Penolong Kanan Pentadbiran SK Saujana Utama, memuji usaha tersebut:

*“Program STC ini memang sangat baik, lebih-lebih lagi apabila fenomena buli kini semakin berleluasa. Program ini dapat membantu murid-murid dalam mencegah tingkah laku tersebut.”*

Bagi memastikan mesej **‘GAME OVER, BULLIES’** disampaikan dengan berkesan, beberapa aktiviti interaktif turut dijalankan, antaranya **Lakon Situasi, Teka Silang Kata dan Broken Telephone**, yang bertujuan melibatkan murid secara aktif sambil memberi pemahaman tentang cara mengenal pasti dan menangani buli.

Kempen ini telah berjaya dianjurkan oleh 16 pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam, yang menunjukkan komitmen tinggi dalam meningkatkan kesedaran komuniti. Secara keseluruhannya, program **“STC: STOP THE CYCLE”** di SK Saujana Utama berjaya menyampaikan mesej anti-buli melalui kaedah pembelajaran interaktif, sekali gus mencerminkan usaha berterusan UiTM dalam menyokong kesejahteraan dan keselamatan sosial di peringkat akar umbi.



Tags: **Fakulti Komunikasi Pengajian Media (FKPM), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh, SK Saujana Utama, uitm shah alam, Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

UiTM Cawangan Pahang Jayakan  
Program Jelajah Ilmu 2025 Bersama  
DBP dan Kolej Vokasional Chenor

Program SULAM “Healthventure Day”  
Perkukuh Kesihatan Komuniti Felda  
Jengka 8

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

